

28 OCT 2003

MAHATHIR-PROTON/I

PROTON BERMINAT DENGAN PENGELUAR MOTOSIKAL ITALI MV AUGUSTA

PUTRAJAYA, 28 Okt (Bernama) -- Pengeluar kereta nasional, Proton, hari ini menandatangani surat hasrat bagi menilai kemungkinan memiliki 50 peratus ekuiti pengeluar motosikal terkenal Itali, MV Augusta SpA.

Pemilikan berkenaan akan memberikan Proton hak pengedaran dan pegangan pengawalan dalam syarikat yang terkenal di peringkat antarabangsa sebagai "Ferrari Motosikal".

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyaksikan pemeteraian perjanjian antara ketua pegawai eksekutif Proton, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff dan pengasas dan pemilik MV Augusta, Claudio Castiglioni, di sini.

Bercakap kepada pemberita selepas memeriksa motosikal MV Augusta kemudiannya, perdana menteri berkata beliau gembira dengan usaha sama baru yang bertaraf dunia bagi Proton.

"Ia amat kompetitif dan kita perlu meninjau untuk mempunyai kelebihan sendiri supaya bidang berkenaan boleh menjadi bertaraf dunia. Dan sebagaimana yang anda boleh lihat, ini merupakan motosikal yang bertaraf dunia.

"Jadi kita akan mengeluarkan motosikal ini di sini dan menjualnya di Ditubuhkan dalam tahun 1978 untuk mengeluarkan motosikal di bawah nama Cagiva Motor, syarikat itu kemudiannya diberi nama baru MV Augusta dan hari ini merupakan pemilik nama-nama motosikal terkenal -- MV Augusta, Cagiva dan Husqvarna.

Syarikat itu mengeluarkan dan menjual kira-kira 18,000 unit motosikal setiap tahun.

Dalam kenyataan media yang dikeluarkan pada majlis itu hari ini, Tengku Mahaleel berkata: "Terdapat tiga perkara yang dimiliki oleh MV Agusta yang mampu menarik minat kita -- teknologi kejuruteraan mereka, reka bentuk mereka yang berjaya memenangi anugerah dan stail ketiga-tiga jenama dan langkauan global mereka.

Beliau berkata kerjasama unik ini akan membolehkan kedua-dua syarikat mengenal pasti bagaimana untuk menggunakan kekuatan masing-masing dan mengintegrasikan program mereka.

"Satu, ialah bagaimana MV Augusta boleh membantu mempercepatkan program motosikal Proton sendiri dan satu lagi ialah bagaimana Proton, sebagai syarikat pengeluar dengan input Lotus, boleh membantu MV Augusta meraih produktiviti yang lebih tinggi dan kecekapan pada tahap pengeluaran besar-besaran.

"Satu lagi bidang ialah di mana kita patut akses kepada reka bentuk dan mutu baik Itali," kata beliau. -- BERNAMA

MAM SD AA